

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 JANUARI 2024
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 22

Dasar Gaji Progresif ambil kira kemampuan majikan

Dasar Gaji Progresif ambil kira kemampuan majikan

Kerajaan tidak akan semenging-wenangnya mewajibkan pelaksanaan Dasar Gaji Progresif, sebaliknya akan mengambil kira kemampuan majikan dan keadaan semasa ekonomi negara, kata Menteri Ekonomi Rafizi Ramli.

Beliau berkata, hal itu disebabkan pelaksanaan dasar berkenaan dibuat secara sukarela serta membabitkan insentif daripada kerajaan.

"Kita tidak boleh nak mewajibkan sewenang-wenangnya, macam perintah gaji minimum kerana perlu ambil kira juga kemampuan syarikat, majikan dan ekonomi (negara). Majikan terbesar di dalam negara ini sebenarnya ialah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan 97 peratus daripada entiti perniagaan negara.

"Kalu kita wajibkan, (mungkin) ada (majikan) yang akan gulung tikar, ada yang akan hilang pekerjaan, kita perlu seimbang. Sebab itu pendekatannya ialah *kita mengambil kira kemampuan majikan dan mesti melibatkan insentif daripada kerajaan serta secara sukarela," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Majlis Penyerahan Geran di bawah program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) dan Sesi Townhall bersama Kepimpinan Mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) cabangan Selangor di UiTM Puncak Alam di Kuala Selangor, malam kelmarin.

Menurut Rafizi, kementeriannya dan Kementerian Sumber Manusia hanya memberi tumpuan kepada gaji sektor swasta, manakala berkaitan kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam (SSPA) diuruskan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dasar Gaji Progresif itu agak berbeza cabarannya, ia bukan semata-mata soal wang tetapi juga bagaimana kita (kerajaan) mahu yakinkan majikan-majikan supaya bersama-sama menaikkan gaji secara berperingkat.

"Bagi SSPA, kerajaan kena pastikan bahawa sumber kewangan itu cukup manpan dan perkara itu sedang diurus oleh Perdana Menteri," katanya.

Terdahulu, Rafizi menerusi kerentannya menyerahkan geran berjumlah RM6,961,500 kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM bagi menjalankan dua projek iaitu pelaksanaan pemetaan dan pemantauan program IPR serta penganguran kursus literasi kewangan peserta IPR yang dikendalikan oleh UiTM Cabangan Selangor.